



MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH DARUL AMAN

GARIS PANDUAN PELESENAN MPKK

APRIL 2021

1. PENGENALAN / LATAR BELAKANG

Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) dibawah Jabatan Kesihatan Persekitaran melesenkan aktiviti perniagaan mengikut 3 kategori lesen iaitu :-

- i. Tred / Perniagaan Khas.
- ii. Establisymen Makanan.
- iii. Penjaja / Peniaga Kecil.

2. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGELUARAN PELESENAN

Aktiviti perniagaan dikuatkuasa melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan termasuklah Undang-Undang Kecil seperti berikut:-

- i. Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Kulim) 2010.
- ii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Kulim) 2010.
- iii. Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Kulim) 2009.
- iv. Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan Majlis Daerah Kulim (MDK) 1994.
- v. Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Dan Gerai (Majlis Perbandaran Kulim) 2009.

3. OBJEKTIF PELESENAN

Mengawal serta melesenkan semua aktiviti perniagaan di Daerah Kulim bagi memastikan semua peniaga diberi kelulusan dari Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK).

4. MAKLUMAT PEGAWAI / JABATAN UNTUK DIHUBUNGI

Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Perbandaran Kulim Kedah :-

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	NO TELEFON
1	Mar Zatul Binti Che Mohd	Ketua Bahagian Tred / Perniagaan Khas	04-4325225 – sambungan 383
2	Hamdan Bin Zarkasi	Ketua Bahagian Establisymen Makanan	04-4325225 – sambungan 381
3	Siti Rohayu Binti Abdul Mokti	Ketua Bahagian Penjaja / Peniaga Kecil	04-4325225 – sambungan 384

5. SKOP AKTIVITI YANG DILESENKAN

Apa-apa jenis perniagaan di Daerah Kulim yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan.

6. MAKLUMAT SEKATAN / PEMBEKUAN PELESENAN

Sesuatu aktiviti perniagaan yang dilesenkan akan diambil tindakan ke atas pelanggaran syarat-syarat pelesenan melalui penggantungan atau pembatalan ke atas lesen yang telah dikeluarkan.

7. SIAPA YANG BOLEH MOHON / KELAYAKAN PEMOHON / SYARAT ASAS PERMOHONAN

- i. Semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.
- ii. Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- iii. Koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- iv. Persatuan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS).
- v. Persatuan Belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia Malaysia (ROY).

8. BILA PERLU DIPOHON

Sebelum menjalankan aktiviti perniagaan di lokasi yang dipohon.

9. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan beserta dengan dokumen yang lengkap perlu hadir ke Kaunter Khidmat Pelanggan MPKK (Tiada permohonan secara atas talian disediakan).

10. PIAGAM PELANGGAN

- i. Semua Lesen Tred / Perniagaan Khas, Establisymen Makanan dan Paparan Iklan Premis yang dikategorikan sebagai tidak berisiko akan diberikan kelulusan dalam tempoh 24 jam.
- ii. Semua Lesen Tred / Perniagaan Khas, Establisymen Makanan dan Billboard yang dikategorikan sebagai berisiko akan diberikan keputusan kelulusan / penolakan dalam tempoh 30 hari bekerja.
- iii. Semua Lesen Penjaja / Peniaga Kecil akan diberikan kelulusan dalam tempoh 24 jam setelah pemohon mendapat sokongan perakuan tapak.
- iv. Semua permohonan perakuan tapak bagi Lesen Penjaja / Peniaga Kecil akan diberikan keputusan kelulusan / penolakan dalam tempoh 30 hari bekerja.

11. SYARAT-SYARAT / KEPERLUAN PEMATUHAN SEBELUM PERMOHONAN


A	LESEN TRED / PERNIAGAAN KHAS, ESTABLISYEMEN MAKANAN, PAPARAN IKLAN PREMIS DAN BILLBOARD
	Pemohon perlu mengenalpasti lokasi dan premis perniagaan.
B	PERMOHONAN LESEN PENJAJA / PENIAGA KECIL
B (I)	PASAR MALAM DAN PASAR HARIAN
	Pemohon perlu mengenalpasti lokasi Pasar Malam dan Pasar Harian serta hari perniagaan yang akan dijalankan.
B (II)	PENJAJA BEREDAR
	Pemohon perlu mengenalpasti lokasi dan waktu perniagaan yang akan dijalankan.
B (III)	PENJAJA STATIK DAN PENJAJA GERAI MAJLIS
	Pemohon perlu mengenalpasti serta mendapatkan premis yang akan dipohon.


12. SYARAT-SYARAT / KEPERLUAN PEMATUHAN SELEPAS PERMOHONAN

A (I)	LESEN KOMPOSIT KATEGORI TIDAK BERISIKO - TRED / PERNIAGAAN KHAS, ESTABLISYEMEN MAKANAN DAN PAPARAN IKLAN PREMIS
	Pemohon lesen yang telah diluluskan perlu beroperasi dan menjalankan perniagaan seperti yang dipohon dan pemeriksaan pematuhan syarat-syarat lesen akan dijalankan pihak MPKK. Bagi Kelulusan Lesen Komposit Establisymen Makanan pemeriksaan pematuhan akan dijalankan beserta dengan Penarafan Gred Premis Makanan.
A (II)	LESEN KOMPOSIT KATEGORI BERISIKO - TRED / PERNIAGAAN KHAS, ESTABLISYEMEN MAKANAN DAN BILLBOARD
	Pemohon perlu bersiap-sedia dengan aktiviti seperti yang dipohon dan pemeriksaan akan dijalankan pihak MPKK.
B	PERMOHONAN LESEN PENJAJA / PENIAGA KECIL
B (I)	PASAR MALAM DAN PASAR HARIAN
	Pemohon yang tidak arif dengan Lokasi Pasar Malam dan Pasar Harian serta hari perniagaan yang akan dijalankan boleh berhubung terus dengan petugas Pasar Malam / Pasar Harian MPKK di lokasi dikehendaki.
B (II)	PENJAJA BEREDAR
	Pemohon yang tidak arif dengan lokasi penjajaan perniagaan yang dibenarkan boleh berhubung dengan petugas pemantauan penjaja MPKK di lokasi dipohon (temujanji).

13. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN (TERMASUK CARTA ALIR (FLOW-CHART))


CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN KOMPOSIT KATEGORI BERISIKO (TRED PERNIAGAAN KHAS, ESTABLISYEMEN MAKANAN DAN BILLBOARD)






**CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN KOMPOSIT KATEGORI TIDAK BERISIKO
(TRED PERNIAGAAN KHAS, ESTABLISYEMEN MAKANAN DAN
PAPARAN IKLAN PREMIS)**

BORANG KOMPOSIT
MPKK/JKP/BP/B-01/01



CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PENJAJA / PENIAGA KECIL



14. BORANG PERMOHONAN & SENARAI DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN (*CHECK LIST*) SEMASA PERMOHONAN

Bagi permohonan Lesen Komposit Kategori Berisiko dan Tidak Berisiko - Tred / Perniagaan Khas, Establisymen Makanan, Paparan Iklan Premis dan Billboard, pemohon perlu mengisi Borang Komposit.

Bagi permohonan Lesen Penjaja / Peniaga Kecil pemohon perlu mengisi Borang Perakuan Tapak / Borang Permohonan Lesen Penjaja.

Borang-borang tersebut boleh diperoleh di Kaunter Khidmat Pelanggan MPKK.

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN LESEN KOMPOSIT BERISIKO DAN TIDAK BERISIKO – TRED / PERNIAGAAN KHAS, ESTABLISYEMEN MAKANAN, PAPARAN IKLAN PREMIS DAN BILLBOARD

BIL	PERKARA
A	1 salinan kad pengenalan
B	1 salinan Daftar Perniagaan(SSM) yang mempunyai alamat premis perniagaan ATAU 1 salinan Memorandum dan perkara Persatuan (Memorandum And Articles Of Association) dan borang PD2 (Practive Directive 2017) bagi syarikat sdn bhd sahaja.
C	2 keping gambar pemohon (saiz berukuran passport)
D	1 salinan surat perjanjian jual beli / hak milik / sijil OC/CCC ATAU 1 salinan surat perjanjian sewa bangunan tuan bangunan (Sewaan melebihi RM200.00 perlu dibuat Setem Hasil)
E	1 salinan resit bayaran cukai taksiran (pintu) terkini
F	Lakaran pelan lokasi dan pelan lantai premis
G	2 keping gambar hadapan dan dalam premis
H	1 salinan lakaran iklan beserta ukuran dan gambar (Mesti mendapatkan kelulusan Dewan Bahasa Dan Pustaka)
I	1 salinan sijil kursus pengendalian makanan dan sijil / surat pemeriksaan doktor termasuk suntikan TY2 (bagi permohonan Establisymen makanan)

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN JABATAN TEKNIKAL PERMOHONAN LESEN KOMPOSIT TRED / PERNIAGAAN KHAS TIDAK BERISIKO

BIL	PERKARA
SOKONGAN JABATAN TEKNIKAL (TADIKA)	
A	Surat sokongan daripada Jabatan Pelajaran
B	Surat sokongan daripada Jabatan Kesihatan Daerah
C	Surat sokongan daripada Jabatan Bangunan MPKK (Tukar guna bangunan)
SOKONGAN JABATAN TEKNIKAL (TASKA / PUSAT JAGAAN)	
A	Surat sokongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat
B	Surat sokongan daripada Jabatan Kesihatan
C	Surat sokongan daripada Jabatan Bagunan MPKK (Tukar guna bangunan)
SOKONGAN JABATAN TEKNIKAL (TUISYEN)	
A	Surat sokongan daripada Jabatan Pelajaran

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN JABATAN TEKNIKAL PERMOHONAN LESEN KOMPOSIT TRED / PERNIAGAAN KHAS BERISIKO (MERUJUK AKTIVITI YANG DIJALANKAN)

BIL	PERKARA
ULASAN / SOKONGAN JABATAN TEKNIKAL	
A	1 salinan kelulusan permit bangunan (bagi bangunan sementara / permit struktur)
B	1 salinan kelulusan pelan bangunan (bagi premis yang membuat tambahan / ubahsuai bangunan)
C	Surat sokongan daripada Jabatan Bomba
D	Surat sokongan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS)
E	Surat sokongan daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (JKKP)
F	Surat sokongan daripada pejabat Polis Daerah (bagi aktiviti perniagaan barang lusuh)
G	Surat sokongan daripada KPDNKK (bagi aktiviti perniagaan menjual gas LPG)
H	Surat sokongan daripada Suruhanjaya Tenaga (bagi aktiviti perniagaan kedai dobi)
I	Kelulusan lesen hiburan daripada Pejabat Daerah (bagi aktiviti snooker, siber kafe dan lain-lain yang berkenaan)

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PERAKUAN TAPAK PENJAJA / PENIAGA KECIL

BIL	PERKARA
PENJAJA PASAR MALAM DAN PASAR HARIAN	
A	1 salinan kad pengenalan
B	2 keping gambar pemohon (saiz berukuran passport)
PENJAJA BEREDAR	
A	1 salinan kad pengenalan
B	2 keping gambar pemohon (saiz berukuran passport)
C	Gambar lokasi tapak permohonan
D	Pelan lokasi permohonan.

15. MAKLUMAT BAYARAN (FI / CAJ) YANG DIKENAKAN

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
A	Borang komposit	5.00	Kaunter Khidmat Pelanggan
B	Proses borang komposit	50.00	Kaunter Khidmat Pelanggan
C	Borang permohonan lesen penjaja / peniaga kecil	1.00	Kaunter Khidmat Pelanggan
D	Proses borang lesen penjaja / peniaga kecil	5.00	Kaunter Khidmat Pelanggan
E	Borang perakuan tapak penjaja	Percuma	Kaunter Khidmat Pelanggan

16. KAEDAH MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

Lesen yang telah diluluskan akan dikeluarkan surat kelulusan dan akan diposkan kepada pemohon.

17. MAKLUMAT PEMBAHARUAN / PINDAAN / PEMBATALAN

- i. Pembaharuan lesen – Pelesen / wakil perlu hadir ke Kaunter Khidmat Pelanggan MPKK bersama lesen semasa.
- ii. Pembaharuan lesen hendaklah dibayar sebelum atau pada tarikh tamat tempoh lesen.
- iii. Sekiranya bayaran tidak dilakukan dalam tempoh tersebut perniagaan tuan/puan adalah dianggap tanpa lesen dan tuan/puan boleh dikenakan kompaun.
- iv. Pindaan / Pembatalan – Pelesen perlu membuat permohonan bersurat bersama dokumen berkaitan dan sesalinan lesen semasa.

18. MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN

- i. Lesen hendaklah **DI PAMERKAN PADA SETIAP MASA** di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis / lokasi perniagaan dan hendaklah mengemukakan lesen jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis Perbandaran Kulim yang diberi kuasa meminta lesen itu dikemukakan.
- ii. Perniagaan / penjajaan tidak boleh dijalankan di tempat-tempat lain selain yang dinyatakan di dalam lesen.